

Projek Tuisyen

Pada tahun 2010 PERTIWI menjalankan Projek Tuisyen di dua buah kawasan. Di Masjid Ar-Rahman Kampung Tunku, Petaling Jaya, projek ini telah dimulakan pada Januari 2010. Bilangan pelajar yang terlibat seramai 97 orang. Fokus program ini adalah kepada anak-anak kariyah Kampung Tunku dan kawasan sekitar, terutama mereka yang daripada keluarga berpendapatan RM3000.00 dan kurang.

PERTIWI telah membantu memberi sumbangan membiayai projek ini. Sumbangan juga diperoleh daripada Kelab Jepun Kuala Lumpur. Pada 3 Julai 2010, seramai tujuh orang AJK Kelab Jepun Kuala Lumpur telah membuat lawatan ke kelas tuisyen dan mereka amat berpuas hati dengan perjalanan projek.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pantai, Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur telah dimulakan pada bulan April 2010 melibatkan pelajar yang mengambil peperiksaan penting iaitu PMR dan SPM. Sumbangan kewangan untuk Projek Tuisyen ini telah diperoleh daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Baitulmal Wilayah Persekutuan).